

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

**From:** SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa  
**Sent:** Sunday, May 20, 2018 11:19 AM  
**To:** UUM - All Staff  
**Subject:** MAJLIS JAMUAN MINUM PETANG PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA (SOIS) BERSAMA ALUMNI 2018 MENDAPAT SAMBUTAN



20 MEI 2018 / 30 SYAABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**MAJLIS JAMUAN MINUM PETANG PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA (SOIS) BERSAMA ALUMNI 2018 MENDAPAT SAMBUTAN**



SINTOK – Dalam suasana mod Pilihanraya (PRU14), Majlis Minum Petang Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) Bersama Alumni 2018 telah mendapat sambutan hangat walaupun pada awalnya terdapat kerisauan akan mengalami kurangnya kehadiran dan penyertaan meskipun telah membuat pengesahan awal. Namun kerisauan itu telah bertukar menjadi detik yang amat berharga di mana alumni yang telah menyatakan pengesahan mereka hadir seorang demi seorang di dalam majlis tersebut yang berlangsung di Sudirman Cafe, EDC Hotel Kuala Lumpur pada 13 Mei 2018 yang lalu. Program yang buat pertama kalinya diadakan ini telah membuka lembaran baharu di mana alumni memohon agar program seumpama ini diteruskan lagi pada masa akan datang.

Detik-detik di dalam majlis ini amat berharga bukan hanya kepada alumni tetapi kepada Pengurusan Pusat Pengajian di mana pada masa akan datang akan dilihat aktiviti lain yang boleh dianjurkan bagi melibatkan alumni dalam sasaran yang lebih besar disamping program yang akan membawa mereka untuk kembali ke UUM melalui program *home coming*. Menurut Prof. Dr. Ahmad

Bashawir Haji Abdul Ghani di dalam ucapan beliau menyatakan amat terharu dengan kehadiran alumni di dalam majlis ini. Beliau juga memohon agar alumni SolS dapat terus memberikan sumbangan mereka terhadap pembangunan Pusat Pengajian di samping memberikan input ke arah peningkatan dan kemajuan Pusat Pengajian. Program yang melibatkan alumni daripada Bidang Hal Ehwal Antarabangsa dan Perniagaan Antarabangsa ini telah diletakkan di bawah satu Pusat Pengajian apabila bermulanya sistem Pusat Pengajian pada tahun 2011. Apa yang membanggakan adalah alumni SolS kini ada yang berkhidmat di Petronas, Malaysia Airlines, Media Prima dan menjawat jawatan sebagai diplomat serta berkhidmat agensi lain yang berprestij.

Permulaan Perancangan majlis ini adalah ekoran daripada komitmen yang ditunjukkan oleh alumni SolS terutamanya apabila program pengauditan semula yang dibuat oleh pihak AUNQA mulai 11 hingga 14 Mac 2018 dan pihak SolS berjaya mengekalkan persijilan tersebut. SolS juga merancang untuk menyertai *Association of Professional Schools of International Affairs* (APSIA) pada masa akan datang. Sebagai permulaan satu kumpulan WhatsApp akan diwujudkan melibatkan alumni yang hadir dan menerusi WhatsApp ini akan dapat dibuat pengemaskinikan maklumat semasa di samping terus memperkukuhkan silaturahim di antara alumni dan Pusat Pengajian. Selain daripada majlis ini, alumni juga turut dibawa melawat sekitar EDC Kuala Lumpur bagi tujuan membantu mempromosi hotel tersebut.

Habis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

**Disclaimer:** This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.